

Kerajaan mahu lahirkan rakyat celik pengguna

BH - 27/7/2004: 2 Perdana

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan mahu melahirkan rakyat yang celik pengguna bukan saja bagi memastikan kepentingan mereka terjamin tetapi memaksa pengeluar dan peniaga menjalankan perniagaan secara beretika dan profesional.

Perdana Menteri berkata, pengguna yang mengetahui hak mereka tidak akan ditipu, tetapi dapat memberikan tekanan kepada pengilang dan pengeluar untuk mengamalkan budaya kerja cemerlang dan menyediakan barangan serta perkhidmatan berkualiti.

"Saya tidak mahu ditipu. Ini adalah satu tabiat yang baik untuk kita, sekali gus mengajar peniaga dan pengeluar menjadi beretika dengan tidak melakukan perkara seperti menipu timbangan dan menjual produk tiruan.

"Jadi, jangan biarkan diri kita ditipu kerana tidak mahu mengambil perhatian. Jadilah kumpulan yang celik pengguna yang dapat melahirkan peniaga berkualiti. Jadilah pengguna yang berhemat dan celik pengguna supaya dapat menikmati pembangunan negara dan ekonomi," katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Hari Pengguna Malaysia 2004 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, petang semalam.

Abdullah turut menyampaikan Anugerah Tokoh Pengguna 2004 kepada Indrani Thuraisingham daripada Era Consumer Malaysia; Anugerah Organisasi Pengguna Terbaik 2004 (Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita-Wanita Malaysia), Anugerah Media Pengguna Terbaik 2004 (*Utusan Malaysia*).

Sempena sambutan itu, Perdana Menteri turut melancarkan Pameran Kepenggunaan dan Jualan Mega Ca-

ker Padat (CD) dan Cakera Padat Video (VCD) 2004. Jualan mega CD dan VCD itu akan berlangsung selama sebulan di seluruh negara.

Hadir sama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal.

Perdana Menteri berkata, amalan celik pengguna yang mendorong pengeluar dan peniaga mengutamakan kualiti barangan dan perkhidmatan mempunyai kesan besar kepada kedatangan pelancong asing ke negara ini.

"Pelancong suka datang kerana barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam negara adalah berkualiti baik," katanya sambil menambah setiap orang akan menikmati nilai terbaik untuk wang yang dibelanjakan.

Abdullah berkata, amalan pengeluar mengeluarkan barangan berkualiti bagi memenuhi hasrat pengguna, juga membolehkan barang itu mendapat pasaran baik di luar negara kerana mutunya terjamin.

Katanya, ini membolehkan barangan buatan Malaysia bermutu dan boleh dipasarkan di seluruh dunia.

"Kita mahu barang buatan Malaysia menjadi barang yang bermutu dan ini membolehkan kita mengeksport lebih banyak barangan terutama barang berasaskan pengguna ke seluruh dunia," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan terus menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan mana-mana pihak yang mengambil kesempatan terhadap pengguna akan dikenakan tindakan sewajarnya.

Pada sidang media selepas itu, Abdullah berharap pengguna memahami tanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga dan negara apabila membeli sesuatu barang dan perkhidmatan bagi



ABDULLAH menandatangani poster 'Hapuskan Cetak Rompak' sambil diperhati Mohd Shafie (dua dari kanan) ketika melawat ruang pameran selepas melancarkan Pameran Kepenggunaan dan Jualan Mega CD dan VCD 2004, di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh David Khoo

memastikan mereka mendapat hanya barangan yang berkualiti.

"Itu yang amat penting. Ini bermakna, pengilang akan menghasilkan barang berkualiti kerana mereka tidak ada pilihan.

"Peniaga juga akan menjual barang baik dan berkualiti, sekali gus dapat memastikan kita akan mencapai kemakmuran kerana perkhidmatan dan barang negara kita mendapat sambu-

tan baik dalam negara sendiri dan antarabangsa," katanya.

Mengenai jualan mega CD, Perdana Menteri berkata, ia bukan saja menawarkan harga yang murah kepada orang ramai tetapi memberi pendidikan berhubung pengeluaran produk itu terutama dari segi kos pengeluarannya.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan usaha Kementerian Perdag-

angan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan jualan mega dua kali setahun itu.

"Ini juga dapat membantu artis," katanya sambil menambah ia diharapkan dapat mempengaruhi orang ramai supaya membeli produk yang asli.

Menerusi jualan mega itu, syarikat rakaman dan pengedaran produk berkenaan menawarkan potongan harga pada kadar minimum 20 peratus.